

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*

**Komunikasi Korporat Kumpulan**

Tingkat 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telefon 03 2088 8000

Fax 03 2781 2998

[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM BEKERJASAMA DENGAN GLOBAL PSYTECH BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES PENILAIAN RISIKO KREDIT**

*Penyelesaian mampu merapatkan jurang kredit yang wujud bagi usahawan mikro, kecil dan sederhana (MKS)*

**KUALA LUMPUR, Khamis, [16 Januari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menjalin kerjasama dengan syarikat teknologi kewangan tempatan, Global Psytech Sdn Bhd (“Global Psytech”), untuk menyediakan inovasi penyelesaian penilaian risiko kredit yang dikenali sebagai General Financial Insights (GFI). GFI berperanan menganggarkan risiko penyediaan pembiayaan kepada pemohon, walaupun pemohon tersebut tidak mempunyai sejarah kredit terdahulu. Penyelesaian itu berupaya meyakinkan institusi kewangan untuk memberi pembiayaan kepada usahawan-usahawan baharu, khususnya usahawan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MKS), yang mungkin dipinggirkan oleh sistem kewangan sebelum ini.

Berkongsi matlamat yang bersandarkan data kualitatif dan kuantitatif bukan tradisi, kedua-dua organisasi berusaha untuk menyediakan saluran penilaian permohonan pembiayaan yang cekap, sungguhpun tidak terdapat sejarah kredit atau butiran yang tidak lengkap pada borang permohonan. GFI akan memberi unjuran tepat risiko-risiko berkaitan pembiayaan berdasarkan analisis tingkah laku dan algoritma pembelajaran mesin. Dalam masa yang singkat, GFI akan menjana laporan terperinci secara automatik bagi membantu pembiaya untuk menentukan sama ada permohonan diluluskan atau sebaliknya.

Menerusi pelaksanaan sistem ini, Bank Islam mengunjurkan peningkatan bagi kelulusan permohonan pembiayaan, terutamanya pelanggan MKS memandangkan GFI berupaya mempercepat dan memudahkan prosedur sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Usaha sama antara Bank Islam dan Global Psytech ini bertujuan untuk menangani jurang kredit yang wujud bagi usahawan MKS. Ini akan mempertingkatkan model penajajaminan dan skor kredit sedia ada serta memanfaatkan kemajuan teknologi digital dalam sektor kewangan. GFI akan menyumbang dalam merapatkan jurang kewangan yang menjadi penghalang kepada perkembangan perniagaan MKS, sekaligus terus memacu dan mempertingkatkan sumbangan MKS kepada ekonomi negara.”

“GFI juga berpotensi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama, memperluaskan lagi rangkaian kewangan dan meningkatkan penyertaan pemilik perniagaan muda. Kerjasama ini akan menjadikan Bank Islam sebagai peneraju dalam menggunakan teknologi penilaian risiko canggih yang akan memberi manfaat kepada usahawan MKS.”

Mohd Muazzam menambah, “Bank Islam berazam untuk memperkukuhkan peranan dan impak kewangan Islam dengan mengamalkan prinsip-prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) yang disarankan oleh Bank Negara Malaysia. Nilai-nilai ini merupakan nadi model perniagaan kami dalam menjana prestasi yang mampan melalui fokus strategik yang mendorong perkembangan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan penekanan terhadap sektor MKS. Sehubungan itu, kami sentiasa mencari idea-idea baharu dan inovatif bagi membantu pelanggan-pelanggan dalam sektor berkenaan.”

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Global Psytech, Dr Haniza Yon berkata, “Bersandarkan pengalaman luas dalam membangunkan penyelesaian piawaian digital, Global Psytech kini menawarkan sistem penilaian risiko kredit berteknologi canggih yang memberi manfaat kepada penyedia pembiayaan serta usahawan MKS. Kaedah ini

mbolehkan pembiayaan memberi pinjaman secara efektif dan selamat demi menggalakkan pertumbuhan ekosistem keusahawanan di Malaysia.”

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
--	--